

Reformasi
PEMBIAYAAN
POLITIK
di Malaysia



Transparency International – Malaysia



Konrad
Adenauer
Stiftung

595

F

Terbitan Pertama 2010
Transparency International – Malaysia

Hak Cipta © *Transparency International – Malaysia, 2010.*

Semua hak terpelihara. Tidak ada mana-mana bahagian buku ini boleh dikeluarkan ulang atau digunakan dalam apa juga bentuk atau dengan cara apa jua sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuklah secara fotokopi atau rakaman menggunakan sistem pemberian maklumat atau sistem mendapatkan semula, tanpa izin penerbit.

Diterbitkan oleh
Transparency International – Malaysia
Suite B-11-1, Wisma Pantai
Plaza Pantai, 5, Jalan 4/83A
59200 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 603-22840630
Faks: 603-22840690
Laman web: www.transparency.org.my

Atur Huruf & Reka Bentuk oleh
Public Media Agency
Laman web: www.publicmediaagency.net

Muka Taip Teks Utama: Bembo, 11.5 poin

Ihsan Foto: Arkib Negara Malaysia

Dicetak oleh
Knowmad Productions
50B, 2nd Floor, Jalan PU 7/3, Taman Putra Impiana
47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: 603-80708157
Faks: 603-80766749
Laman web: www.knowmadproductions.com

ISBN 978-983-42904-3-6



9 789834 290436 >

220.9595

Reformasi

**PEMBIAYAAN
POLITIK
di Malaysia**



Konrad
Adenauer
Stiftung

Transparency International – Malaysia

PUSTAKA PERDANA



1012893



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Tentang *Transparency International – Malaysia*

Transparency International – Malaysia (TI-M) adalah sebuah badan bebas bukan kerajaan, yang komited dengan perjuangan menentang rasuah. TI-M merupakan cabang berakreditasi *Transparency International* yang berpangkalan di Berlin.

Visi TI-M adalah komited dalam usaha mencapai sebuah masyarakat yang adil dalam ruang lingkup demokrasi majmuk yang mapan, dan bebas daripada rasuah. TI-M membabitkan diri dalam sektor awam, sektor swasta dan masyarakat sivil menerusi pelbagai program advokasi, pendidikan, maklumat, dan penyelidikan dalam usaha memerangi rasuah.

Program-program TI-M tertumpu pada usaha membangunkan organisasi, advokasi, projek-projek berkaitan kontrak dan pemerolehan awam, kebebasan maklumat, pembiayaan politik, integriti urus tadbir perhutanan, pakatan integriti, pendidikan dan latihan, kaji selidik, hubungan media, penerbitan dan rangkaian kerja. Advokasi dasar bermatlamat menambah baik rukun-rukun institusi sistem Integriti Nasional, semakan semula dasar dan undang-undang pencegahan rasuah dan menggalakkan transparansi dan akauntabiliti lebih besar dalam sektor awam dan swasta.

Kandungan

LATAR BELAKANG PROJEK	7
PRAKATA	9
PENGHARGAAN	12
SINGKATAN	15
BAB SATU	17
Pengenalan	19
Definisi Pembiayaan Politik	22
Pembiayaan Politik di Malaysia	25
Sinopsis Bab	27
Rujukan	33
BAB DUA	35
Sistem Politik Malaysia – Suatu Tinjauan	37
Sistem Berparlimen	37
Parti-Parti Politik	39
<i>Parti Politik di Malaysia: Tinjauan Ringkas</i>	43
<i>Struktur Parti dan Kewangan Parti</i>	52
Perundangan dan Institusi	53
<i>Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia</i>	54
<i>Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954</i>	59
<i>Pendaftar Pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966</i>	61
Badan Kehakiman	63
Kesimpulan	64
Rujukan	64

BAB TIGA	67
Spektra Politik Wang di Malaysia	69
Memetik Perkataan Mereka Sendiri	69
Luasnya Skop Politik Wang	75
Wang dan Politik dalam UMNO	80
<i>Mekanisme Pengundian Baru</i>	82
<i>Pendanaan Tersembunyi</i>	86
Penglibatan Parti Politik dalam Perniagaan	90
Politik Wang di Sabah dan Sarawak	97
Berubahnya Trend Perniagaan	101
Pemilikan dan Kawalan Perniagaan Media	102
Sumber Pendanaan Parti Pembangkang	104
Kesimpulan	109
Rujukan	110
BAB EMPAT	113
Adakah Sistem Pengawalan-selia Kini Berfungsi?	115
Pengenalan	115
Institusi	116
<i>Suruhanjaya Pilihan Raya</i>	116
<i>Pendaftar Pertubuhan</i>	124
Perundangan	125
<i>Perjalanan Pilihan Raya Umum</i>	126
<i>Undang-Undang Yang Mengawal Selia Aktiviti Parti</i>	131
<i>Perjalanan Pemilihan Parti</i>	132
Kesimpulan	134
Rujukan	136
BAB LIMA	139
Satu Aras Medan Permainan Politik: Peranan Media dan Masyarakat Sipil	141
Pengenalan	141

Masyarakat Sipil	143
<i>Pentingnya Masyarakat Sipil</i>	145
<i>Masyarakat Sipil di Malaysia</i>	146
<i>Sokongan Masyarakat Sipil dalam Reformasi Pembiayaan Politik</i>	148
Media dan Kuasa Politik	151
<i>Media dan Pilihan Raya</i>	154
<i>Media dan Parti Politik Pembangkang</i>	158
<i>Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984</i>	159
Kesimpulan	161
Rujukan	162
BAB ENAM	165
Agenda Reformasi	167
Pengenalan	167
Reformasi Institusi	169
<i>Suruhanjaya Pilihan Raya</i>	169
Reformasi Perundangan	175
<i>Akta Parti Politik</i>	175
<i>Pendanaan Langsung dari Kerajaan</i>	187
Reformasi Media	191
Rujukan	195
BIBLIOGRAFI	197
INDEKS	205
LAMPIRAN	213
Cara Melonjak Proses Pemerolehan Awam Yang Sihat	213
Reformasi Pembiayaan Politik: Pengalaman Korea Selatan	231

Pasukan Projek Buku Pembiayaan Politik (Crisis/Nur) TI-M

EDITOR: Josie M. Fernandez

PASUKAN PENYELIDIK:

Joseph Tong Wai Kin

K. S. Usha Devi

Wong Chan Wai

PENASIHAT: Edmund Terence Gomez

Pasukan Projek

Josie M. Fernandez ialah Felo Intelektual Awam Asia di bawah Program Yayasan Nippon Jepun untuk intelektual awam. Beliau ialah Pengarah Pengasas bagi Filantropi Asia/Pusat Pemajuan Filantropi, Bekas Pengarah – Dasar/Kempen *Transparency International – Malaysia*, kolumnis, penyidik bebas, penulis dan perunding.

Seorang ahli pendidikan, Josie merupakan Presiden pengasas ERA Consumers Malaysia, Pengarah Serantau bagi Asia Pasifik, *Consumers International* dan mantan ahli Lembaga *Transparency International – Malaysia*.

Joseph Tong, graduan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, ialah Pegawai Penyelidik dengan *Transparency International - Malaysia*. Bercita-cita menjadi ahli akademik, beliau meminati bidang sains politik. Pada masa ini Joseph melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana Pentadbiran Awam di Universiti Malaya.

K.S. Usha Devi, bekas wartawan, menyertai *Transparency International – Malaysia* dalam tahun 2008 sebagai pegawai eksekutif. Usha menjalankan kerja-kerja dalam projek Pembiayaan Politik dan Kebebasan Maklumat. Graduan Sains Sosial Universiti Malaya, Usha memiliki MA dalam Kewartawanan dari Universiti Ateneo De Manila, Filipina.

Wong Chan Wai minatnya dalam politik telah mendorong beliau menyertai *Transparency International – Malaysia* sebagai penyidik pada awal tahun 2009. Dilengkapi ijazah Psikologi UTAR, Chan Wai kini melanjutkan pengajiannya di peringkat Sarjana dalam Pengajian Pembangunan di Universiti Malaya.

Edmund Terence Gomez ialah Profesor Ekonomi Politik di Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya. Beliau juga pernah menjawat pelbagai jawatan di Universiti Leeds (UK) dan Universiti Murdoch (Australia) dan pernah berkhidmat sebagai Profesor Pelawat di Universiti Kobe, Jepun. Di antara 2005 dan 2008, beliau berkhidmat sebagai Koordinator Penyelidikan di Institut Penyelidikan bagi Pembangunan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRISD), di Geneva, Switzerland.

Antara hasil penerbitan terbaru beliau ialah *Politics in Malaysia: The Malay Dimensions* (Routledge, 2007), *The State, Development and Identity in Multi-ethnic Countries: Ethnicity, Equity and the Nation* (Routledge, 2008) dan *The Chinese in Britain, 1800-Present: Economy, Transnationalism and Identity* (Palgrave-Macmillan, 2008).

Mukasurat kosong



Latar Belakang Projek

Projek Pembiayaan Politik *Transparency International* – *Malaysia*

Projek ini berasal daripada satu kajian berjudul “*The Crinis Project 2007: Money in Politics – Everyone’s Concern*” yang dikendalikan bersama oleh *Transparency International* dan *Carter Centre* di Latin Amerika dalam tahun 2006, dengan maksud menambah baik ketelusan dan akauntabiliti dalam pembiayaan politik. Istilah dalam bahasa Latin *Crinis* – bermakna sinaran cahaya – telah digunakan sebagai nama bagi penyelidikan ini yang kemudiannya dikenali sebagai Projek *Crinis*. Di Afrika, ia dikenali dengan projek *Nuru*.

Projek tersebut didasarkan pada tanggapan bahawa sumber kewangan adalah perlu kepada parti politik untuk berfungsi secara efektif dalam sistem demokrasi moden. Oleh sebab penyalahgunaan wang dalam pembiayaan politik adalah risiko yang sentiasa wujud, ketelusan adalah sesuatu yang amat diperlukan bagi memantau penggunaan wang dalam politik. Penulisan ini menyediakan dorongan terhadap akauntabiliti politik dan keyakinan orang awam yang semakin meningkat terhadap demokrasi.

Ekoran kejayaan projek *Crinis* di Amerika Latin, *Transparency International Malaysia* (TI-M) menyahut cabaran berkenaan pada bulan Disember 2008 untuk mengusahakan projek yang serupa di Malaysia. Memandangkan kurangnya penyelidikan dalam bidang ini maka TI-M merasakan ianya satu keperluan yang mendesak untuk disegerakan bagi menyinarakan cahaya Nur dalam pembiayaan politik di Malaysia.

Dalam mengusahakan projek penyelidikan ini, TI-M membuat wawancara dan tinjauan dengan pihak-pihak utama yang berkepentingan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, ahli politik, ahli akademik, penganalisis politik, syarikat, masyarakat sivil, wartawan, pelajar universiti, dan orang awam, sejajar dengan metodologi *Crinis*. Sebagai tambahan, TI-M menjalankan penyelidikan ini selangkah ke hadapan dengan melakukan suatu kajian mengenai isu-isu seperti pemilihan dalam parti, pemilikan media dan pembabitan parti politik dalam perniagaan. Metodologi yang diubah suai membantu dalam menyediakan analisis yang lebih teliti dan berwawasan mengenai senario pembiayaan politik di Malaysia.

Prakata

Masyarakat Malaysia sudah terlalu lama bertolak ansur dengan rasuah. Kita telah menikmati saat-saat indah dan kita sering memiliki sikap toleransi “tak apa” terhadap rasuah. Kita menerima bahawa adalah tidak menjadi kesalahan untuk seseorang itu terlibat dalam rasuah asalkan kita sendiri memperoleh sesuatu atau merasa selesa. Justeru itu kita sering menutup mata terhadap perlakuan rasuah politik dalam semua bentuk, dan tidak mengendahkan soal kurangnya akauntabiliti dan urustadbir dalam urusan menerajui sumber negara, asalkan pemimpin politik berupaya memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat, meskipun tidak sebanyak mana atau tidak setimpal sekalipun berbanding dengan ketirisan yang berlaku.

Akhirnya, kekaburan dalam pemerolehan kerajaan dan pemberian lesen dan konsesi dan bentuk-bentuk naungan politik yang lain menambahkan beban pembayar cukai dan orang awam. Pada tahun 2008, Bank Dunia menganggarkan bahawa rasuah di Malaysia boleh menelan belanja sehingga RM10 bilion setahun. Ianya bertambah serius apabila Ketua Audit Negara melaporkan pada tahun 2009 bahawa RM28 bilion telah dibazirkan dalam pemerolehan kerajaan dalam tahun yang sebelumnya.

Ini diterjemahkan kepada kos kehidupan lebih tinggi dan sistem penyampaian yang tidak cekap. Keadaan menjadi bertambah serius apabila ia mendanai dan melindungi kepentingan orang yang begitu berpengaruh yang menyalahgunakan kuasa mereka. Begitu juga, institusi penguatkuasaan boleh dikenakan pengaruh tidak wajar supaya bertindak mengikut cara yang berkompromi dengan kebebasan dan profesionalisme mereka. Perkara ini boleh menimbulkan keadaan yang mengecewakan yang seterusnya menjadi satu ciri sebuah sebuah negara yang gagal.

Pada tahun 2003 dan 2004, *Transparency International* (TI) dan *Gallup International* telah mengenal pasti bahawa parti politik merupakan institusi paling banyak terlibat dalam rasuah, di tiga daripada empat buah negara yang dikaji selidik. Begitu juga, dalam laporan Barometer Rasuah Global TI (GCB) 2009 mengenai persepsi masyarakat Malaysia tentang integriti sektor institusi, kira-kira 42% responden menyatakan pandangannya bahawa parti politik adalah kelompok paling rasuah. Sesungguhnya adalah amat membimbangkan jika ahli politik yang terpilih untuk berkhidmat kepada orang awam dilihat bersikap rasuah.

Justeru, bukan sesuatu yang memeranjatkan jika rakyat Malaysia mula mendesak supaya dilakukan perubahan dan wujud lebih kebertanggungjawaban daripada ahli politik dan juga parti politik mereka. Kekaburan yang sangat ketara dalam arena politik dan pengewangan politik ini telah berakar umbi dalam sistem politik, sehingga dapat menyebabkan proses pilihan raya tergugat teruk, jika tidak ada reformasi dilakukan. Rasuah politik telah digambarkan sebagai “ibu segala rasuah”, justeru itu, apa jua usaha serius ke arah menambah baik sistem integriti negara mestilah merubah budaya politik. Atas sebab itulah *Transparency International – Malaysia* (TI-M) memilih untuk turut serta seiring dengan kemaraan TI di peringkat global dalam menangani rasuah politik.

TI-M bernasib baik kerana kami tidak perlu mencipta semula roda kerana sudah sedia ada kes-kes yang sangat mengilhamkan, dan telah memperlihatkan kejayaan dalam reformasi politik di negara-negara lain di Asia yang mempunyai masalah yang serupa dengan Malaysia. Kajian kami mengenai reformasi di Korea Selatan dan Taiwan telah menimbulkan keyakinan bahawa perubahan dapat dilakukan jika masyarakat sivil dan orang awam menuntutnya. Beberapa bidang utama yang diperlukan untuk melakukan reformasi dalam pembiayaan politik termasuklah:

- peraturan mengenai pembiayaan politik,
- penggalakan persaingan politik yang adil,

- pembatasan pengaruh wang ke atas dasar dan proses pilihan raya,
- mekanisme pengawasan awam yang bebas dan berkesan,
- pendedahan meluas tentang derma dan perbelanjaan politik; dan
- pembatasan nexus tidak sihat antara politik dengan perniagaan untuk membendung naungan politik.

Bagi mendapatkan penilaian yang lebih muktamad mengenai pengaruh wang ke atas arena politik Malaysia, beberapa wawancara telah diadakan dengan ahli-ahli politik akar umbi, pemimpin politik, dan mantan menteri dari semua parti, yang bersetuju untuk diwawancarakan. TI-M mengucapkan terima kasih kepada mereka, dan kami menghargai sikap mereka yang berterus-terang.

TI-M, sebagai NGO tempatan, telah menyahut cabaran yang sukar dan merbahaya dengan projek *Crinis*, mengenai pembiayaan politik di Malaysia, terutamanya kerana keprihatinan kami terhadap kesejahteraan dan masa depan negara. Laporan ini telah dibuat dengan hati yang ikhlas dan suci hati tanpa sebarang niat buruk terhadap mana-mana parti politik atau individu. Kami berharap buku ini dapat bertindak sebagai pemangkin untuk menimbulkan kesedaran orang awam terhadap pentingnya integriti dalam arena politik, di samping mereka yang mempunyai kemampuan untuk melakukan perubahan dapat memberikan respons secara positif.

Syabas Malaysia!



Penghargaan

Buku ini, yang merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan projek TI-M mengenai pembiayaan politik di Malaysia, tidak mungkin dapat diterbitkan tanpa bantuan, komitmen, sokongan, dan kerja kuat ramai orang. TI-M terhutang budi kepada mereka dan sekalung penghargaan di atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan projek buku ini.

TI-M sangat berbesar hati kepada Pengarah Serantau dan kakitangan Jabatan Asia Pasifik Sekretariat TI, Berlin, kerana bantuan mereka dalam membangunkan penyelidikan, garis panduan dan bantuan maklumat mengenai projek pembiayaan politik yang dilaksanakan di pelbagai negara oleh bahagian TI.

TI-M ingin mengucapkan terima kasih kepada *Konrad Adenauer Stiftung (KAS) Kuala Lumpur* dan *KAS Singapura* kerana sokongan kewangan yang dihulurkan bagi projek pembiayaan politik – penyelidikan dan penghasilan buku ini.

Kami juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada orang perseorangan yang berikut, yang telah menyediakan input dan wawasan yang tidak ternilai:

Mantan Perdana Menteri Malaysia:

Tun Dr. Mahathir Mohamad and Tun Abdullah Ahmad Badawi

Ahli Parlimen dan Ahli Politik:

Abdul Ghapur Salleh, Charles Santiago, Dr. Chua Soi Lek, Devamany S. Krishnasamy, Kamaruddin Jaafar, Kamarul Bahrin Abbas, Karpal Singh, Lim Kit

Siang, Mazlan Harun, Mohamad Ezam Mohd. Nor, Dr. Mohd. Hatta Ramli, Salleh Kalbi, Shahrir Samad, Tengku Razaleigh Hamzah, Tony Pua Kiam Wee dan William Leong Jee Kee.

Buku ini tidak mungkin dapat disiapkan dengan jayanya tanpa bantuan institusi dan agensi yang berikut:

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Jabatan Perdana Menteri.

Kami amat berbesar hati kepada *Transparency International Taiwan* kerana sumber bahan tentang reformasi yang diusahakan mengenai pembiayaan politik di Taiwan. Ucapan terima kasih khusus kepada *Malaysian Indian Congress (MIC)* kerana menyediakan TI-M dengan Laporan Tahunan dan Kewangan 2008. Kami menghargai kerjasama yang dihulurkan oleh Arkib Negara Malaysia kepada TI-M kerana gambar-gambar yang digunakan di dalam buku ini.

TI-M berbesar hati kerana sumbangan dari sarjana-sarjana yang berikut:

Andrew Aeria (Universiti Malaysia Sarawak), James Chin (Universiti Monash), Jongbin Yoon (Universiti Myongji, Korea Selatan) dan Wong Chin Huat (Universiti Monash).

Secara khusus kami berbesar hati kepada Edmund Terence Gomez, Universiti Malaya kerana bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat beliau, juga usaha yang tidak mengenal penat lelah dan perit maung serta kesungguhan sepanjang tempoh projek.

TI-M ingin memberikan penghargaan kerana sokongan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Majlis Exco TI-M 2008–2009 dan 2009–2010 dalam kerja-kerja penyelidikan dan penghasilan buku ini.

TI-M ingin merakamkan terima kasih tidak terhingga khusus buat Ngooi Chiu Ing, Setiausaha Agung TI-M, kerana usaha gigih beliau dalam menghalusi

draf buku ini dan memberikan input yang kritis.

Sumbangan dan input para peserta persidangan/meja bulat/seminar pada 4 November 2009, 9 November 2009, 30 November 2009, dan 8 Februari 2010 merupakan sumber maklumat dan wawasan yang begitu berharga terhadap penulisan buku ini.

Pasukan penyelidikan dan penghasilan buku sememangnya layak diberi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas usaha mereka yang tidak pernah jemu sepanjang kajian dan penghasilan buku ini. TI-M ingin merakamkan penghargaan ke atas usaha dan sumbangan Josie M. Fernandez, Joseph Tong Wai Kin, K S Usha Devi, dan Wong Chan Wai.

Paul Low Seng Kuan

Presiden

Transparency International Malaysia

27 Mac 2010



Singkatan

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADEX	Perbelanjaan Pengiklanan
AGM	Mesyuarat Agung Tahunan
AIMST	Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia
Aliran	Aliran Kesedaran Negara
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BARJASA	Barisan Rakyat Jati Sarawak
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
CIJ	Pusat Kewartawanan Bebas
CMS	Kumpulan Cahya Mata Sarawak Bhd
DAP	Parti Tindakan Demokratik
DPP	Parti Progresif Demokratik (Taiwan)
DUN	Dewan Undangan Negeri
ERA	Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna
FOMCA	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
GR	Gagasan Rakyat
IPF	Barisan Progresif India
KLCC	<i>Kuala Lumpur City Centre</i>
KMT	<i>Kuomintang</i> (Taiwan)
KPJ	Koperasi Pekerja Jaya
KSM	Koperatif Serbaguna (M) Bhd
LDP	Parti Liberal Demokratik
MAFREL	Rakyat Malaysia untuk Pilihan Raya Bebas dan Adil
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MCIL	<i>The Media Chinese International Ltd</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MIED	<i>Maju Institute for Education Development</i>
MP	Ahli Parlimen
MPHB	Multi Purpose Holdings Bhd
NAMFREL	Gerakan Warganegara Kebangsaan untuk Pilihan Raya Bebas (Filipina)
NCWO	Pertubuhan Majlis Wanita Kebangsaan
NEC	Suruhanjaya Pilihan Raya Kebangsaan (Korea Selatan)
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Nesa	Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Bhd
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan

NIEI	Institut Kebangsaan bagi Integriti pilihan raya
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NLFCS	<i>National Land Finance Cooperative Society</i>
NST	<i>New Straits Times</i>
PANAS	Parti Negara Sarawak
PAP	Parti Tindakan Rakyat
PAS	Parti Islam se-Malaysia
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PESAKA	Parti Pesaka Anak Sarawak
Petronas	Petroleum Nasional Berhad
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPP	Parti Progresif Rakyat
PPPA	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
PR	Pakatan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PSM	Parti Sosialis Malaysia
RAI	<i>Radiotelevisione Italiana (Itali)</i>
RM	Ringgit Malaysia
ROS	Pendaftar Pertubuhan
SAPP	Parti Maju Sabah
SCA	<i>Sabah Chinese Association</i>
SJK (C)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)
SPDP	Parti Demokratik Progresif Sarawak
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SUPP	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
Kolej TAR	Kolej Tunku Abdul Rahman
TI	<i>Transparency International</i>
TI-M	<i>Transparency International – Malaysia</i>
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UPKO	Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu
USAID	Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat
UTAR	Universiti Tunku Abdul Rahman
WAMI	Perikatan Penulis untuk Kebebasan Media
WWF	<i>Worldwide Fund for Nature Malaysia</i>

Bab Satu



Mukasurat kosong



PENGENALAN

Pada zaman berleluasanya muslihat, membicarakan kebenaran menjadi suatu tindakan yang revolusioner. - George Orwell

Amalan demokrasi dalam sistem politik moden sudah tidak boleh dipisahkan daripada peranan yang dimainkan oleh parti politik melalui perwakilan popular. Hari ini, sejumlah besar sumber perlu dikerah untuk penyertaan dalam proses politik, menjadikan parti politik daya penggerak yang dominan dalam landskap politik urustadbir. Parti politik menggunakan banyak pengaruh ke atas masyarakat dan institusinya yang mengakibatkan terjeasanya fungsi demokrasi. Sudah tentu keadaan ini mempunyai implikasi ke atas prinsip demokrasi yang asas, seperti perwakilan kawasan geografi, pemerintahan majoriti menerusi sebuah kerajaan terdiri daripada wakil yang dipilih, dan pertandingan oleh parti politik yang pelbagai. Justeru, pada keseluruhannya, parti politik telah mengambil peranan sebagai pelaku penting politik persaingan.

Dalam persekitaran sosial ini, perkara yang paling penting berkenaan pembiayaan politik dan pembiayaan kempen telah dinyatakan mengikut konteksnya, seperti yang berikut:

Segala usaha yang perlu untuk mewujudkan demokrasi, semestinya merupakan cita-cita paling mulia masyarakat manusia, terpaksa berubah wajah menjadi komoditi paling keji: wang.

Tidak kira setinggi mana cita-cita politik, demokrasi dalam masyarakat memerlukan sumber, dan bukan sekadar sumber berbentuk abstrak, tetapi keupayaan untuk mengumpul wang dan membelanjakannya untuk melanjutkan matlamat politik.¹

Perbincangan mengenai pembiayaan politik tidak boleh berlaku berasingan daripada institusi yang mengawal selia sistem pilihan raya, jenis parti politik, akses mereka terhadap media, peraturan yang mengawal selia pendanaan parti, dan pihak berkepentingan yang terjejas akibat keputusan politik.

Antara perkara-perkara yang menonjol dalam perbincangan ini adalah isu keadilan, peluang sama rata dan peruntukan sumber secara saksama, dan bagaimana prinsip-prinsip ini dihakis oleh rasuah politik dan politik wang. Tanpa mengira pengakuan idealisme peserta sistem demokrasi itu, adalah penting untuk memberikan keutamaan kepada ketelusan dan akauntabiliti mengenai pembiayaan parti, penyumbang dan perbelanjaan, demi memastikan semua parti dan calon boleh mendapat manfaat daripada persaingan dalam pilihan raya yang adil.

Adalah penting untuk melengkapi pengundi-pengundi dengan maklumat mengenai sumber yang membantu seseorang calon atau parti. Ini bagi membantu pengundi memiliki idea yang lebih jelas mengenai kepentingan yang kemungkinannya hendak disokong dan dikenal pasti oleh calon atau parti berkenaan. Untuk itu, maklumat tentang semua bidang pembiayaan parti politik atau calon perlu diletakkan di dalam domain awam. Penyemakan semula kajian mengenai perkara tersebut yang mencakupi Israel, Jepun, Jerman, Kanada, Korea Selatan, Perancis, Taiwan dan United Kingdom menunjukkan kepelbagaian pendekatan terhadap peraturan. Ini mengambil tiga bentuk asas: pendirian tidak campur tangan, peraturan sendiri, dan peraturan tertutup mengenai pembiayaan politik. Akan tetapi, dua bentuk yang pertama yang dinyatakan tadi adalah bentuk yang paling kurang berdaya maju. Ini kerana kedua-dua bentuk tersebut hanya boleh berfungsi jika suatu set nilai-nilai teras dipatuhi, termasuklah integriti, ketelusan dan amalan urustadbir yang baik. Peraturan merupakan satu-satunya pilihan.

Seorang ahli politik terkemuka dari California, pada tahun 1960 menyatakan wang sebagai “susu ibu politik,” menandakan bahawa sumber politiklah yang paling diambil kira. Aktivist-aktivist anti-rasuah pada hari ini berkata bahawa politik wang adalah ibu segala rasuah.²

Perkaitan antara rasuah, termasuklah bentuk-bentuk politiknya, dan kemiskinan adalah tema penting dalam kegiatan *Transparency International*. Rasuah menafikan warganegara penyertaan penuh dalam masyarakat dan mengalihkan sumber awam ke tangan persendirian. Ketidaksamarataan pendapatan meningkat manakala keupayaan memerintah sesebuah negeri menurun, khususnya apabila berhadapan dengan keperluan orang miskin.

Rasuah menggugat tiang seri pembangunan, hak asasi individu, dan rangka kerja perundangan yang dihasratkan untuk melindungi mereka. Di negara di mana kerajaan boleh meluluskan dasar dan belanjawan, yang mana tindakan dilakukan tanpa perundingan atau akauntabiliti, menyebabkan berlakunya pengaruh tak wajar, pembangunan tidak sama rata dan kemiskinan. Rakyat kehilangan kuasa politik, ekonomi dan sosial dan, dalam proses itu, semakin ketandusan kuasa. Ketirisan lantaran rasuah mengkompromikan pertumbuhan ekonomi negara, tahap pelaburan, usaha mengurangkan kemiskinan, dan kemajuan lain yang berkaitan pembangunan.

Inti pati utama buku ini adalah untuk mempersembahkan suatu agenda untuk mereformasi pembiayaan politik di Malaysia. Ini kerana semakin bertambahnya keprihatinan mengenai seriusnya fenomena politik wang dan bahaya sebenar perkara berkenaan dalam meruntuh dan memusnah keyakinan awam terhadap proses demokrasi. Tidak syak lagi, terhakisnya kepercayaan rakyat terhadap legitimasi kerajaan, dan implikasi yang berlaku ke atas institusi utama yang mendukung prinsip urustadbir yang demokratik, mendatangkan akibat yang dahsyat, seperti yang dinyatakan ahli sains politik, Noraini Othman:

...Pada masa ini sistem pilihan raya sedang berhadapan dengan suatu krisis kebolehpercayaan dan kecuali sesuatu dilakukan dengan cepat untuk menangani

Perjalanan demokrasi dalam sistem politik moden sudah tidak boleh dipisahkan daripada peranan yang dimainkan oleh parti-parti politik dalam sistem perwakilan popular. Hari ini, banyak sumber perlu digerakkan untuk turut serta dalam proses demokrasi. Ini menjadikan parti-parti politik kuasa yang dominan dalam landskap urus tadbir. Akibatnya, parti-parti politik telah mempengaruhi masyarakat dan institusinya, dan memberikan kesan terhadap cara demokrasi berfungsi. Ini mendatangkan implikasi ke atas prinsip-prinsip asas demokrasi, seperti perwakilan berteraskan geografi, pemerintahan majoriti menerusi kerajaan yang terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih, dan pertandingan yang disertai oleh pelbagai parti politik.

Buku ini membicarakan soal pembiayaan aktiviti politik, parti-parti politik, calon-calon dan pilihan raya di Malaysia yang mencakupi landskap lampau dan masa kini. Buku ini bertujuan memberikan wawasan mengenai kekuatan dan kelemahan sistem pilihan raya dalam pilihan raya parlimen dan negeri dan juga kempen-kempen di dalam parti-parti politik.

Adalah penting untuk mengakui hakikat bahawa pengewangan politik merupakan fenomena yang sudah merebak di Malaysia dan bahawa ia menyumbang kepada barah rasuah. Untuk menangani cabaran ini, adalah penting untuk melakukan reformasi yang mendalam terhadap sistem politik mencakupi semua aspek hal ehwal negara yang ada kaitannya dengan pembiayaan politik.

Buku ini merupakan alat advokasi. Ia menyeru supaya lebih banyak pendedahan dibuat kepada orang ramai mengenai pembiayaan politik, penguatkuasaan berautonomi dan efektif oleh agensi kawal selia dan memutuskan hubungan antara politik daripada perniagaan dari segi pemilikan perusahaan korporat oleh parti bagi mewujudkan padang permainan yang sama rata di dalam persaingan dalam pilihan raya di Malaysia.

“Dalam tahun 2003 dan 2004, Transparency International (TI) dan Gallup International telah mengenal pasti bahawa parti-parti politik adalah institusi yang paling rasuah di tiga daripada empat buah negara yang dikaji. Begitu juga, dalam laporan Barometer Rasuah Global TI (GCB) 2009 mengenai persepsi orang ramai di Malaysia tentang integriti sektor institusi, kira-kira 42% responden beranggapan bahawa parti-parti politik merupakan kumpulan yang paling rasuah. Merupakan sesuatu yang begitu mencemaskan jika ahli-ahli politik yang dipilih untuk berkhidmat kepada rakyat dilihat sebagai perasuah”

Paul Low Seng Kuan, Presiden Transparency International – Malaysia

“Rasuah politik merupakan ibu segala rasuah. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 adalah jelas mengenai kesalahan menggunakan jawatan awam untuk mendapatkan apa jua bentuk suapan.”

*Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia*

ISBN 978-983-42904-3-6



Diterbitkan oleh



Transparency International – Malaysia
www.transparency.org.my



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA